

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian masih menyediakan projek pemasangan dan Penyenggaraan lampu-lampu jalan kampung (LJK) di luar bandar; dan
- (b) berapa jumlah projek dan perbelanjaan bagi tahun 2021 di Sarawak.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah melaksanakan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Fasa 8 di Sarawak bermula 25 Februari 2020 bagi tempoh 18 bulan, sehingga 15 Oktober 2021. Ianya melibatkan pemasangan sebanyak 4,500 unit LJK, dengan pecahan 1,500 unit lampu dari jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 3,000 unit lampu jenis *light emitting diode* (LED), melibatkan peruntukan sebanyak RM8.6juta. Kesemua LJK ini telah siap pemasangan sepenuhnya pada awal Oktober 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat Betong juga, sejumlah **RM1.015 bilion** (peruntukan asal) telah diperuntukkan di bawah Kementerian ini bagi tahun 2021 yang melibatkan **205 program/ projek** pembangunan bagi negeri Sarawak. Namun demikian, terdapat pindaan peruntukan disebabkan pelbagai faktor sepanjang pandemik terutamanya kawalan pergerakan yang membataskan kegiatan ekonomi dan menjejaskan pembangunan fizikal secara menyeluruh.

Peruntukan pembangunan selepas dipinda adalah sejumlah **RM637.66 juta**. Manakala prestasi perbelanjaan adalah sebanyak **RM348.98 juta** bersamaan dengan **54.7%** telah dibelanjakan sehingga **Oktober 2021**. Dijangkakan prestasi perbelanjaan akan dapat dibelanjakan sepenuhnya sehingga akhir Disember 2021 seperti yang dirancangkan.

Pada masa yang sama, Kerajaan turut memberi suntikan peruntukan tambahan kepada wilayah Sarawak mendepani cabaran pandemik COVID-19 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (**PRE**) dan **PRIHATIN** sejumlah **RM345 juta** melibatkan **1,761 sub-projek**. Peruntukan ini melibatkan 29 sub projek bagi Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD), 26 sub projek bagi Program Amenisiti Sosial (PAMS), 2 sub projek Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), 1,560 sub projek bagi Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), 22 sub projek Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), 31 sub projek di bawah MARA dan 91 sub projek di bawah KEMAS yang telah berjaya disiapkan sepenuhnya.
Sekian, terima kasih.